KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	24/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	TNB			

lokal

Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission

Keselamatan elektrik ketika musim banjir

ST mengingatkan orang ramai memutuskan semua peralatan elektrik daripada punca bekalan kuasa sekiranya ditenggelami air

Musibah banjir boleh membawa pelbagai kemudaratan dan impak yang negatif kepada alam sekitar, kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa.

Bagi sistem pembekalan elektrik pula, banjir boleh mengakibatkan kerosakan kepada pepasangan elektrik pemegang lesen/utiliti seperti pencawang elektrik, alat ubah, janakuasa dan solar fotovoltaik (PV).

Di samping itu juga, banjir boleh mengakibatkan tiang elektrik patah/tumbang, talian elektrik putus/jatuh, kabel bawah tanah terputus dan sebagainya.

Sehubungan itu, Suruhanjaya Tenaga (ST) mengingatkan orang ramai terutamanya yang tinggal di lokasi rendah atau di kawasan yang berisiko dinaiki air banjir supaya sentiasa berwaspada dan bersedia menjelang tibanya musim banjir.

Pengarah Jabatan Kawal Selia Keselamatan ST, Ir Md Zakuan Ibrahim berkata, sekiranya dilanda banjir dan sebelum diarah berpindah, orang ramai mesti memastikan bekalan masuk utama ke rumah di papan agihan dengan meletakkan suis utama pada kedudukan *OFF* dan memutuskan semua peralatan elektrik daripada punca bekalan kuasa elektrik.

Semua peralatan elektrik juga mesti diletakkan di tempat tinggi dan selamat daripada air banjir.

"Untuk kawasan yang dilanda banjir, orang ramai dinasihati supaya mengelak tempat yang mempunyai kabel elektrik terutamanya pada waktu malam atau lokasi terdapat kabel elektrik yang terjatuh bagi mengelakkan renjatan elektrik.

"Apabila berada di luar rumah pula, orang ramai perlu mengelakkan pencawang atau bilik suis elektrik yang ditenggelami air. Selain itu, orang ramai juga digesa supaya tidak sesekali mengalih atau membaiki tiang elektrik yang tumbang dan kabel yang putus," katanya.

Ir Md Zakuan berkata, orang ramai juga harus berhati-hati selepas banjir kerana kelengkapan elektrik dan pepasangan elektrik yang ditenggelami air berpotensi mendatangkan bahaya dan boleh menyebabkan renjatan elektrik apabila digunakan.

Justeru, sebelum menghidupkan semula suis utama, pemeriksaan mesti dilakukan ke atas semua pendawaian dan peralatan elektrik di dalam rumah. Sekiranya berasa was-was dengan keadaan pendawaian elektrik setelah lanya ditenggelami, lantik kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST untuk menjalankan pemeriksaan.

Di sini, ST menyenaraikan beberapa panduan menghadapi banjir bagi mengelak bahaya elektrik kepada pengguna, pihak pengurusan pepasangan elektrik, pihak utiliti dan pihak berkuasa tempatan.



PEMERIKSAAN mesti dilakukan ke atas semua peralatan elektrik sebelum menghidupkannya semula selepas terkena banjir.

Pengguna

-Matikan bekalan masuk utama di rumah sekiranya diarah berpindah.

-Tanggalkan palam kuasa semua peralatan elektrik dan letakkan di tempat yang tinggi dan selamat.

-Elakkan dari memegang sebarang peralatan atau suis elektrik yang terkena air.

-Jangan memegang talian elektrik yang terputus dan tiang elektrik yang tumbang.

-Lantik kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST untuk memeriksa pendawaian dan peralatan elektrik yang tenggelam selepas banjir.

Pihak pengurusan pepasangan elektrik, pihak utiliti dan pihak berkuasa tempatan.

-Matikan bekalan elektrik ke pencawang dan pepasangan elektrik sekiranya mendapati kawasan ditenggelami air.

-Lipat gandakan usaha menyusuli aduan-aduan berkaitan risiko talian elektrik terputus semasa banjir.

-Matikan bekalan elektrik ke kabel elektrik yang terjejas akibat tiang elektrik atau pokok tumbang sebagai langkah keselamatan.

-Sentiasa pantau keadaan di kawasan dilanda banjir.

-Pulihkan semula bekalan elektrik hanya selepas keadaan banjir surut dan keadaan disahkan selamat.